

**SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU
JITRA, KEDAH DARUL AMAN**

Peraturan & *Standard Procedure Operating* (SOP)

1. Ibu bapa/penjaga memastikan anak/anak jagaan berada dalam keadaan sihat dan tidak menunjukkan gejala awal COVID-19 sebelum kembali ke asrama.
2. Pelajar yang sihat sahaja dibenarkan kembali ke asrama dengan syarat mereka dan ahli keluarga yang tinggal serumah tidak dalam tempoh menjalani kuarantin/tiada kontak rapat.
3. Saringan kesihatan akan dilakukan semasa pendaftaran masuk ke asrama. Ibu bapa/penjaga dan pelajar mengimbas suhu badan di pintu masuk / pos pengawal keselamatan hadapan sekolah.
4. Pelajar perlu mengemukakan Borang Pengisytiharan Kesihatan semasa pendaftaran masuk asrama.
5. Kohort pelajar yang kembali ke asrama tanpa sebarang gejala boleh diisytiharkan sihat selepas 14 hari berada di asrama. Sekiranya terdapat kohort pelajar baharu melapor diri selepas 10 hari selang masa daripada kohort terdahulu, pelajar perlu diasingkan dalam kumpulan kohort baharu.
6. Pergerakan balik ke asrama ditemani oleh ibu bapa/penjaga sahaja. Hanya **dua (2) ahli keluarga** dibenarkan masuk ke kawasan sekolah / asrama.
7. Pelajar dan ibu bapa/penjaga **perlu sentiasa** memakai pelitup muka.
8. Penggunaan aplikasi MySejahtera digalakkan apabila ibu bapa/penjaga hendak memasuki kawasan sekolah. Bagi mereka yang tidak mempunyai aplikasi MySejahtera hendaklah merekodkan nama, nombor telefon, tarikh dan masa tiba dalam buku rekod.
9. Jarak antara individu dalam semua pergerakan iaitu *people to people distance* sekurang-kurangnya 1 meter.
10. Kenderaan ibu bapa/penjaga dibenarkan masuk ke kawasan asrama dan perlu segera meninggalkan kawasan asrama sebaik selesai urusan.
11. Ibu bapa/penjaga **dilarang** masuk ke blok asrama aspura dan aspuri.

12. Aktiviti keluar (outing) dan pulang bermalam tidak dibenarkan sehingga dimaklumkan oleh KPM dari semasa ke semasa.
13. Ibu bapa/penjaga tidak dibenarkan untuk melawat anak/anak jagaan di asrama sehingga dimaklumkan oleh KPM dari semasa ke semasa.
14. Ibu bapa/penjaga yang mempunyai anak/anak jagaan dengan imuniti badan yang rendah digalakkan membekalkan anak dengan pelitup muka secukupnya.
15. Murid dilarang membawa dan menggunakan telefon bimbit di sekolah (SPI Bil.2/2009).
16. Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan di sini adalah merujuk kepada SOP MKN, KKM, KPM, Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah Dalam Norma Baharu 2.0, Surat-surat Pekeliling & Surat Siaran KPM, Peraturan Sekolah dan Asrama SM Sains Kubang Pasu.

Pengetua

SM Sains Kubang Pasu

10 Mac 2021